

1982

KUALA LUMPUR, 26 OKT. (BERNAMA)-DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENJALANKAN TUGASNYA DENGAN SETIA SEBAGAIMANA YANG DIPERUNTUKKAN OLEH PERLEMBAGAAN DAN MENGHORMATI HAK-HAK YANG DIJAMIN OLEHNYA UNTUK PELBAGAI KOMPONEN PERSEKUTUAN, PIHAK MINORITI, WARGANEGARA DAN DALAM SETENGAH-SETENGAH KES, BUKAN WARGANEGARA.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN BERKATA PERLEMBAGAAN TIDAK TERLEPAS DARIPADA KESILAPAN DAN OLEH ITU IA BOLEH DIPINDA UNTUK MENYESUAIKANNYA DENGAN PEREDARAN MASA.

+TETAPI SYARAT-SYARAT UNTUK PINDAAN ADALAH SEBEGITU RUPA SEHINGGA PERLEMBAGAAN ITU TIDAK BOLEH DIUBAH DENGAN SESUKA HATI,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KETIGA PER-SATUAN UNDANG-UNDANG ASEAN (ALA) DI DEWAN TUNKU CANCELLOR DI SINI.

MENGENAI UNDANG-UNDANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERTAMA SEKALI, BELIAU PERCAYA DENGAN KETINGGIAN PERLEMBAGAAN.

SATU PERLEMBAGAAN YANG BERTULIS ADALAH PENTING BAGI SEBUAH PERSEKUTUAN, TERUTAMA YANG MENPUNYAI PENDUDUK YANG BERBILANG KAUM, BERBILANG BANGSA, PELBAGAI AGAMA DAN PELBAGAI BERUJAYAAN TEGASNYA.

--LAGI 13047HM

MAHATHIR-PERLEMBAGAAN 2 KUALA LUMPUR

+SETIAP ORANG YANG TERLIBAT, TIDAK HANYA MEREKA DALAM KERAJAAN, MESTI MENGHORMATI DAN MENEGAKKANNYA,+ TAMBAH BELIAU.

KEDUA- BELIAU MENGUKUHKAN SOKONGANNYA UNTUK PERINTAH UNDANG-UNDANG UNTUK MELINDUNGI KEHIDUPAN, ANGGOTA, KEBEBASAN DAN HARTABENDA WARGANEGARA.

KATANYA, +TIADA SEORANGPUN YANG TIDAK BOLEH DISENTUH OLEH UNDANG-UNDANG, WALAUPUN MEREKA YANG BERKUASA, MEREKA YANG MEMEGANG KUASA SEBENARNYA ADALAH PENJAGA AMANAH DAN TUGAS MEREKA IALAH UNTUK MEMBUAT KEBAIKAN KEPADA ORANG RAMAI, BUKAN MENGKAYAKAN DIRI SENDIRI.+

DATUK SERI MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU AKAN SENTIASA MENGHORMATI KEBEBASAN KEHAKIMAN DAN AKAN MEMPASTIKAN BAHAWA IA AKAN DIBERIKAN APA YANG BENAR-BENAR DIPERLUKAN DARI SEGI TENAGA RAKYAT DAN KEMUDAHAN FIZIKAL UNTUK MEMBOLEHKANNYA MENTADBIR KEADILAN DENGAN SEGERA DAN BERKEBAN.

+KAMI TIDAK MEMINTA MAHKAMAH SUPAYA MENYEBELAHI KERAJAAN ATAU TIDAK HANYA MEMINTA SUPAYA BERPIHAK KEPADA PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG,+ TAMBAH BELIAU.

KERAJAAN SENTIASA MENIMBANGKAN PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG DENGAN TELITI SEBELUM MEMBUAT SESUATU, OLEH ITU, IA MEMINTA PIHAK KEHAKIMAN SUPAYA BEBAS UNTUK MENGADILI PENCEROBOHAN YANG DIDAKWA TANPA OASA TAKUT ATAU MEMIHAK SEJAJAR DENGAN PERLEMBAGAAN, UNDANG-UNDANG BUKTI DAN PERATURAN, DENGAN ADIL DAN SAKSAMA.

--LAGI 1330/HM

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 3 KUALA LUMPUR

KATANYA +KAMI AKAN SENTIASA MENGHORMATI KEPUTUSAN MEREKA, TETAPI HAK MEMBUAT UNDANG-UNDANG MESTI PERLU MERUPAKAN HAK PIHAK PERUNDANGAN.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN BERKATA BELIAU AKAN SENTIASA MENGHORMATI MAJLIS PEGUAM DAN KEBEBASAN MEREKA DAN BELIAU BERJANJI +BAHAWA TIADA SEORANG PUN ANGGOTA PROFESION PERGUAMAN AKAN DIHUKUM DALAM MENJALANKAN TUGAS MEREKA.+ TERDAPAT TEPUKAN GEMURUH DARI PARA HADIRIN.

PERHIMPUNAN LIMA HARI ITU DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 750 ORANG PESERTA TERDIRI DARIPADA KETUA-KETUA HAKIM, MENTERI KEADILAN, PARA PEGUAM DAN PENGAJAR UNDANG-UNDANG DARI LIMA BUAH ANGGOTA NEGARA ASEAN -- INDONESIA, MALAYSIA, FILIPINA, SINGAPURA DAN NEGERI THAI -- SERTA PARA PEMERHATI DARI BRUNEI, JEPUN DAN SRI LANKA. --BERNAMA 1644/MD